



## **SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**

(Agensi MeCD)

### **GP4: GARIS PANDUAN PELANTIKAN DAN FUNGSI JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN**

#### **TUJUAN**

Garis panduan ini dikeluarkan di bawah subseksyen 86B(1) Akta Koperasi 1993 untuk memastikan Jawatankuasa Audit Dalaman (JAD) dilantik sewajarnya dan berfungsi dengan cekap dan berkesan.

#### **TAFSIRAN**

2. Dalam garis panduan ini, melainkan konteksnya menghendaki makna yang lain -

"penyata kewangan" termasuklah akaun perdagangan dan akaun untung rugi, akaun pembahagian, kunci kira-kira dan apa-apa penyata yang ditentukan oleh Suruhanjaya;

"saudara" mempunyai erti yang sama seperti yang ditakrifkan di bawah subseksyen 51(1) Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2007.

"koperasi keluarga" ertinya koperasi yang anggotanya terdiri daripada anggota keluarga tertentu atau seperti yang dinyatakan di dalam undang-undang kecil koperasi.

## LATAR BELAKANG

3. JAD memainkan peranan penting dalam sistem tadbir urus koperasi berkaitan sistem kawalan dalaman dan pengurusan risiko kerana ianya berupaya menyediakan penilaian yang bebas dan boleh menjadi petunjuk terhadap pematuhan ke atas undang-undang, dasar dan prosedur sedia ada.
4. Pelantikan JAD hendaklah dibuat dengan teliti supaya ia boleh berfungsi bagi memastikan pengurusan koperasi menjadi lebih cekap dan berintegriti.
5. JAD ditubuhkan di bawah seksyen 42A Akta Koperasi 1993 yang terdiri daripada tidak kurang daripada **tiga** orang dan tidak lebih daripada **lima** orang anggota yang dilantik dengan sewajarnya oleh Lembaga koperasi.
6. Tempoh perkhidmatan JAD sepertimana yang diperuntukkan di bawah subperaturan 21(1) Peraturan-Peraturan Koperasi 2008 adalah **satu** tahun dan perkhidmatan mereka bolehlah disambung oleh Lembaga dari tahun ke tahun.
7. Kekosongan dalam JAD hendaklah diisi oleh Lembaga dalam tempoh **30 hari** dari tarikh pengosongan jawatan dengan melantik mana-mana anggota yang layak.

## PELANTIKAN JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN

8. Seseorang JAD yang dilantik hendaklah sama ada:
  - a. arif dalam bidang kewangan semasa pelantikannya iaitu mempunyai kefahaman asas tentang kewangan dan perakaunan serta berkebolehan membaca dan memahami asas penyata kewangan termasuklah akaun perdagangan dan akaun untung rugi, akaun pembahagian, kunci kira-kira dan apa-apa penyata yang ditentukan oleh Suruhanjaya; atau
  - b. berjanji untuk menimba pengetahuan dalam bidang kewangan dalam tempoh masa **enam** bulan selepas pelantikan sebagai JAD.

9. Walau apapun yang dinyatakan di para 8, bagi koperasi yang mempunyai pusingan perniagaan tidak melebihi RM200,000.00 setahun, sekurang-kurangnya **seorang** JAD yang dilantik hendaklah memenuhi kehendak di bawah para 8(a) atau para 8(b) garis panduan ini.

10. Melainkan koperasi keluarga, JAD yang dilantik hendaklah tidak mempunyai hubungan saudara dengan mana-mana anggota Lembaga.

### **KETAKLAYAKAN MENJADI JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN**

11. Seseorang anggota tidak layak dipilih atau kekal sebagai anggota JAD, jika dia telah-

- (a) disabitkan atas suatu kesalahan di bawah Akta;
- (b) dipecat sebagai pegawai sesuatu koperasi oleh Suruhanjaya;
- (c) telah menjadi anggota Lembaga koperasi ini; atau
- (d) mempunyai apa-apa hutang yang tertunggak melebihi **enam** bulan daripada mana-mana koperasi atau institusi perbankan.

### **KUASA DAN KEWAJIPAN JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN**

12. Bagi menjalankan tanggungjawabnya, JAD menurut subperaturan 23(1) dan (2) Peraturan-Peraturan Koperasi 2008 mempunyai kuasa:-

- a. memeriksa segala rekod perakaunan dan rekod lain yang berhubungan secara langsung atau tidak langsung dengan koperasi dan subsidiarinya, jika ada, bagi memastikan hal-ehwal koperasi dijalankan mengikut matlamat penubuhan, undang-undang kecil serta keputusan mesyuarat agung.
- b. menghendaki mana-mana orang mengemukakan atau menyerahkan apa-apa maklumat atau buku, akaun dan dokumen yang berkaitan.

13. JAD bertanggungjawab untuk:

- a. memastikan pihak pengurusan mempunyai dan mematuhi dasar dan prosedur mengenai kawalan dalaman;
- b. meluluskan rancangan kerja audit dalaman berasaskan kewajaran skop dan risiko;
- c. memantau pelaksanaan syor yang dibuat melalui audit tahunan oleh juruaudit luar, juruaudit dalam dan pandangan Suruhanjaya;
- d. menyasat perkara-perkara yang diarahkan oleh Lembaga;
- e. memaklumkan Lembaga apa-apa ketakselarasan yang berlaku dalam pengurusan koperasi dengan serta-merta;
- f. menyemak laporan Audit Dalaman bagi membolehkannya memberi nasihat dan cadangan yang wajar kepada Lembaga mengenai pengurusan dan hal-ehwal koperasi termasuk pelanggaran terhadap Akta, Peraturan atau Undang-undang Kecil;
- g. mengadakan mesyuarat, sekurang-kurangnya sekali dalam **tiga** bulan;
- h. mengemukakan laporan bertulis kepada Lembaga dan Suruhanjaya sekurang-kurangnya **dua** kali setahun; dan
- i. mengkaji dan memaklumkan kepada Lembaga apa-apa transaksi yang meragukan.

14. Bagi koperasi yang mempunyai unit audit dalaman atau mana-mana orang yang menjalankan fungsi audit dalaman, JAD perlu memastikan mereka melaksanakan tanggungjawab berikut:

- a. mengemukakan rancangan kerja audit dalaman berasaskan kewajaran skop dan risiko;
- b. mengkaji integriti proses dan struktur kawalan dalaman koperasi;
- c. menyemak pelaksanaan kuasa dan kesahan bagi segala aktiviti koperasi seperti kuasa melulus pinjaman dan perbelanjaan;
- d. memeriksa akaun-akaun koperasi pada lat-lat masa yang tetap dan tidak boleh kurang daripada sekali dalam tempoh **tiga** bulan; dan
- e. mengemukakan kepada JAD laporan mengenai pengurusan dan hal-ehwal koperasi termasuk pematuhan terhadap Akta, Peraturan atau Undang-undang Kecil.

15. Walau apapun peruntukan di para 14, sekiranya koperasi tidak mempunyai unit audit dalaman atau mana-mana orang yang menjalankan fungsi audit dalaman, JAD hendaklah melaksanakan fungsi-fungsi yang dinyatakan di atas.

16. Walau bagaimanapun, koperasi hendaklah mengambil langkah-langkah bagi mewujudkan fungsi audit dalaman yang berasingan daripada JAD.

#### **PEMELIHARAAN KERAHSIAAN**

17. JAD atau mana-mana orang yang menjalankan fungsi audit dalaman yang mempunyai akses kepada maklumat yang diperoleh dalam melaksanakan tugasnya, tidak boleh menggunakan maklumat tersebut untuk kepentingan peribadi dan hendaklah dipelihara kerahsiaannya.

## **PEMAKAIAN DAN TARIKH KUATKUASA**

18. Semua koperasi dikehendaki mematuhi Garis Panduan ini dan dikuatkuasakan pemakaiannya mulai tarikh ia dikeluarkan.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**  
**“CEMERLANG, GEMILANG, TERBILANG”**



**(DATO' MANGSOR BIN SAAD)**  
Pengerusi Eksekutif  
Suruhanjaya Koperasi Malaysia

Tarikh: **6 MAC 2009**

**“PENERAJU KECEMERLANGAN KOPERASI”**